

|            |               |         |              |
|------------|---------------|---------|--------------|
| TARIKH     | 13 / 6 / 2013 | SEKSYEN | Nasional     |
| MUKA SURAT | 12            | RUANGAN | Dalam Negeri |

## Kuota haji Malaysia belum pasti

KUALA LUMPUR 12 Jun - Persoalan sama ada kuota jemaah haji Malaysia pada tahun ini akan kekal atau dikurangkan belum dapat dipastikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menegaskan, masih terlalu awal membuat andaian tentang perkara tersebut memandangkan pihaknya tidak menerima sebarang surat pemberitahuan rasmi.

"Kita sedang menunggu hitam putih daripada kerajaan Arab Saudi berkenaan isu ini, sehingga kini belum ada pemberitahuan rasmi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Agama Indonesia, Suryadharma Ali dalam portal berita *Republika Online* yang mengatakan telah menerima surat pemberitahuan rasmi dari Arab Saudi berhubung pemotongan kuota.

Menurut Suryadharma, Kerajaan Arab Saudi akan memotong kira-kira 20 peratus atau 42,000 orang daripada 211,000 jemaah haji Indonesia.

Langkah itu diambil berikutan terbatasnya ruang ibadah di tanah suci berikutan projek mega memperluaskan Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah sedang dijalankan.

Jumlah jemaah haji Malaysia pada tahun lalu dilaporkan 28,000